

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG  
(IPOH TIMUR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.06.2014**

**Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan kesiapsiagaan pelancaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) menjelang 1hb April 2015. Berapakah kos atau peruntukan yang dibelanjakan untuk mempromosikan kesedaran warga Negara tentang cukai GST yang akan dilaksanakan tersebut. Sila nyatakan semua perbelanjaan secara terperinci.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan sejak tahun 2010 kepada tiga golongan sasar iaitu pengguna, peniaga dan Jabatan Kerajaan. Program penerangan GST kepada pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan. Sehingga 25 Mei 2014, sebanyak 5,177 program telah dijalankan dan dihadiri oleh 306,341 orang. Secara umumnya, mereka yang telah mengikuti program kesedaran menerima baik GST.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah merangka dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu samada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Bagi aktiviti publisiti, pelbagai saluran media telah dijalankan seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan billboard serta melalui media sosial seperti blogspot, laman web, twitter dan facebook.

Perbelanjaan yang telah dilakukan oleh Kerajaan bagi program publisiti

melalui pelbagai saluran media seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan billboard serta melalui media sosial iaitu blogspot, laman web, twitter dan Facebook yang diuruskan oleh Kementerian Kewangan bagi tempoh 2012 hingga 2014 adalah sebanyak RM17 juta.